

- Ilmu ekonomi mengkaji tentang bagaimana manusia
  - Menggunakan wang bagi meningkatkan tabungan masa depan
  - Menyeimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada
  - Mengurangkan jurang antara golongan kaya dengan golongan miskin
  - Menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara maksimum
- Situasi manakah menunjukkan konsep yang **betul** mengenai kekurangan dan pilihan mengikut unit ekonomi?
  - Ahmad tidak berupaya untuk melaksanakan kerja sampingan lain memandangkan telah berkhidmat sebagai pensyarah di Kolej Tinggi Bangi
  - Manina seorang pengusaha kuih tradisional terpaksa menangguhkan pengeluaran cakar ayam dan menumpukan pengeluaran kuih bakar kerana kekurangan pekerja
  - Kementerian Pendidikan membuat keputusan untuk menangguhkan pembelajaran bersempena bagi melindungi kebaikan pelajar dari ancaman Covid-19
  - Universiti Petaling Jaya meningkatkan yuran pengajian pelajar bagi menampung kos operasi yang semakin meningkat kesan daripada peningkatan kos sara hidup semasa

- Keterangan yang manakah **betul** tentang sumber ekonomi?

	<b>Keterangan</b>	<b>Sumber Ekonomi</b>
A	Individu yang menggabungkan input pengeluaran bagi menghasilkan sejumlah output	Buruh
B	Manusia yang membekalkan faktor pengeluaran dalam aktiviti pengeluaran	Usahawan
C	Pemilik menerima pulangan faedah atas kesanggupan menanggung risiko	Modal
D	Sumber penawaran terhad yang terlibat dalam proses pengeluaran barang	Tanah


- Gambar di bawah berkaitan dengan sumber ekonomi.



Pernyataan manakah yang **betul** tentang gambar di atas?

- Mempunyai mobiliti geografi yang rendah
- Kreatif dan berani menghadapi risiko
- Menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran
- Sumber ekonomi yang diperlukan untuk melicinkan proses pengeluaran

- 5 Rajah di bawah menunjukkan satu keluk kemungkinan pengeluaran.



Firma dikatakan tidak dapat mengeluarkan produk pada titik M. Namun, pengeluaran masih boleh dicapai sekiranya

- A. Firma memaksimumkan guna tenaga penuh
- B. Firma hanya mengeluarkan satu jenis barang sahaja
- C. Firma memberi hadiah kepada pekerja yang paling produktif
- D. Firma membawa masuk lebih banyak mesin dan teknologi baru

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ekonomi yang dihadapi oleh firma F & N.

Teknik	Telefon bimbit (unit)	Komputer peribadi (unit)
T	160	40
U	110	95

Berapakah kos lepas sekiranya firma F & N menukar teknik pengeluaran dari T ke U ?

- A 50 unit telefon bimbit
- B 16 unit telefon bimbit
- C 40 unit komputer riba
- D 55 unit komputer riba

- 7 Maklumat berikut berkaitan Syarikat AC.

Syarikat AC akan mengeluarkan permainan kanak-kanak sempena musim perayaan yang akan tiba pada bulan Oktober nanti. Syarikat AC telah menambah 10 orang pekerja dalam operasi pengeluarannya memandangkan permintaan yang tinggi pada musim perayaan tersebut.

Apakah masalah asas ekonomi yang masih belum diselesaikan oleh Syarikat AC?

- A. Apa yang hendak dikeluarkan
- B. Bagaimana hendak dikeluarkan
- C. Untuk siapa dikeluarkan
- D. Berapa yang hendak dikeluarkan

- 8 Apakah persamaan ciri Sistem Ekonomi Perancangan Pusat dengan Sistem Ekonomi Campuran?

- A. Mengutamakan kebijakan masyarakat
- B. Wujud persaingan yang sihat antara pengeluar
- C. Sumber ekonomi dimiliki oleh semua masyarakat
- D. Tingkat harga barang dan perkhidmatan ditentukan oleh mekanisme harga

- 9 Maklumat berikut berkaitan penyelesaian masalah asas ekonomi di negara Q.

Pengguna berkemampuan bebas memiliki barang mewah.  
Penduduk miskin mampu memiliki barang lebih murah, dibantu subsidi harga.

Pasangan manakah yang **betul** berkaitan maklumat di atas?

Masalah Asas Ekonomi	Sistem Ekonomi
Apa yang hendak dikeluarkan	Kapitalis
Berapa yang hendak dikeluarkan	Campuran
Bagaimana hendak dikeluarkan	Kapitalis
Untuk siapa dikeluarkan	Campuran

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sistem ekonomi.

Persaingan adalah secara bebas antara pengeluar untuk mencari keuntungan tanpa kawalan kerajaan.


Pernyataan manakah yang **benar** tentang sistem ekonomi tersebut?

- A Harga barang ditetapkan oleh badan perancangan pusat
- B Keputusan ekonomi selaras dengan hukum syarak
- C Pilihan individu terhadap barang dan perkhidmatan adalah terhad
- D Individu bebas memilih pekerjaan dan memiliki kekayaan

- 11 Pernyataan yang manakah **betul** tentang keluk permintaan individu?

- A. Kecerunan lebih curam daripada keluk permintaan pasaran
- B. Menunjukkan keluk yang mencerun ke bawah dari kanan ke kiri
- C. Penurunan harga barang itu menyebabkan keluk beralih ke kanan
- D. Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah secara positif

- 12 Rajah berikut berkaitan dengan penawaran mesin rambut jenama AC.



Apakah penentu yang menyebabkan peralihan keluk tersebut?

- A. Peningkatan teknologi moden
- B. Peningkatan pendapatan pengguna
- C. Peningkatan harga faktor pengeluaran
- D. Peningkatan citarasa pengguna terhadap mesin rambut jenama AC

13 Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti ditawar terhadap penghawa dingin.

Bulan	Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
Januari 2017	1500	5000
Mac 2017	1500	8000

Faktor manakah yang mempengaruhi keadaan tersebut?

- A. Pengguna semakin suka menggunakan alat tersebut
- B. Kerajaan memberi Bantuan Khas kepada penjawat awam
- C. Berlaku fenomena El Nino di dalam negara
- D. Penggunaan buruh mahir yang ramai

14 Antara berikut yang manakah **betul** tentang permintaan pasaran?

- A. Diperoleh dengan menjumlahkan secara mendatar kuantiti diminta lebih dari seorang pengguna dalam pasaran
- B. Bentuk keluk permintaan pasaran lebih curam daripada keluk permintaan individu dalam pasaran
- C. Mempunyai hubungan langsung antara harga dan kuantiti diminta dalam pasaran
- D. Perubahan kuantiti diminta individu tidak memberi kesan kepada kuantiti permintaan pasaran

15 Pernyataan yang manakah **benar** tentang penguncupan penawaran?

- A. Harga barang tersebut menurun
- B. Penghapusan subsidi pengeluaran
- C. Peningkatan dalam kos bahan mentah
- D. Harga dijangka menurun pada masa hadapan

16 Jadual di bawah menunjukkan permintaan 3 orang individu.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)		
	Zaiton	Ani	Amin
10	10	15	20
20	7	9	16
30	5	4	12

Pada tingkat harga RM 20, berapakah permintaan pasaran?

- A. 45 unit
- B. 32 unit
- C. 21 unit
- D. 28 unit

17 Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta suatu barang.

Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti Diminta
20%	15%

Manakah pernyataan yang **betul** berkaitan jadual di atas?

- A. Jenis keanjalan permintaan barang adalah anjal
  - B. Ketahanan barang tersebut bersifat tahan lama
  - C. Bentuk keluk permintaan barang adalah curam
  - D. Nilai pekali keanjalan permintaan barang adalah 1.33
- 18 Seseorang pengeluar akan menggunakan strategi peningkatan harga barang jika
- A. Tidak mempunyai banyak barang pengganti
  - B. Darjah ketagihan barang adalah rendah
  - C. Nisbah pendapatan yang dibelanjakan adalah besar
  - D. Jenis barang yang dikeluarkan adalah barang mewah
- 19 Urusniaga kredit tidak dapat berkembang jika wang gagal memainkan peranan sebagai alat
- A. pengukur nilai
  - B. penyimpan nilai
  - C. bayaran tertunda
  - D. perantaraan pertukaran
- 20 Syarikat Raha mempunyai bilangan pekerja yang ramai. Hal ini menjadi kesukaran kepada Encik Raha untuk membayar gaji pekerja tepat pada masanya. Apakah kemudahan yang boleh membantu Encik Raha menyelesaikan masalah tersebut?
- A. Draf bank
  - B. Perintah sedia ada
  - C. Debit langsung
  - D. Pindahan kredit
- 21 Situasi yang manakah menunjukkan seseorang memperoleh bayaran pindahan?
- A. Aini mengambil bayaran untuk menyiapkan tempahan menjahit pakaian
  - B. Karim memperoleh aliran tunai masuk kerana mencarum KWSP setiap bulan
  - C. Zubaidah mendapat penerimaan wang kerana membenarkan sebahagian lot kedainya digunakan sebagai stor simpanan
  - D. Sirma menerima pampasan dari pihak PERKESO kerana terlibat kemalangan semasa bekerja

22 Gambar di bawah berkaitan dengan sejenis kemudahan simpanan di bank perdagangan.



Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang kemudahan simpanan di atas?

- I. Dikenakan caj perkhidmatan
  - II. Wang tidak boleh dikeluarkan sesuka hati
  - III. Tidak boleh menggunakan cek
  - IV. Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan overdraf
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

23 Jadual di bawah menunjukkan jumlah kos pada pelbagai tingkat keluaran.

Keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)
0	280
2 000	360
4 000	480
6 000	770

Berapakah kos tetap pada tingkat keluaran 6000 unit?

- A. RM 280
- B. RM 290
- C. RM 360
- D. RM 490

24 Maklumat yang berikut menunjukkan kos bagi firma Teratai.

Kos tetap	= RM 1350
Kos berubah	= RM 850
Kos purata	= RM 2.20

Berapakah jumlah output firma tersebut?

- A. 2 200 unit
- B. 1 000 unit
- C. 613 unit
- D. 386 unit

25 Antara berikut, yang manakah menunjukkan peningkatan produktiviti?

	<b>Input</b>	<b>Output</b>
A	Tambah 5%	Kurang 10%
B	Kurang 10%	Kurang 15%
C	Tetap	Kurang 10%
D	Tetap	Tambah 15%

26 Mengapakah pihak kerajaan menyediakan kemudahan asas di desa?

- A. Meningkatkan taraf hidup
- B. Meningkatkan kadar upah
- C. Meningkatkan pendapatan negara
- D. Meningkatkan peluang pekerjaan

27 Maklumat berikut berkaitan sejenis pengangguran.

Permintaan buruh bagi sesetengah sektor ekonomi mengalami kemerosotan.

Pernyataan yang manakah menggambarkan sebab berlakunya masalah tersebut?

- A. Peningkatan dalam gaji pekerja
- B. Isi rumah membuat kerja sambilan
- C. Terlalu bergantung kepada bidang pertanian
- D. Menggantikan penggunaan buruh kepada mesin dalam pengeluaran

28 Maklumat di bawah menunjukkan keadaan sesebuah ekonomi.

Harga input yang digunakan dalam proses pengeluaran produk donut frozen meningkat sebanyak 8 % menyebabkan harga donut frozen di pasaran juga meningkat sebanyak 12%.

Antara yang berikut, jenis inflasi manakah yang berkaitan?

- A. Inflasi bermusim
- B. Inflasi diimport
- C. Inflasi tolakan kos
- D. Inflasi tarikan permintaan




29 Dasar fiskal mengembang digunakan oleh kerajaan untuk


- A. Mengurangkan masalah inflasi
- B. Mengurangkan permintaan agregat
- C. Menambahkan peluang pekerjaan
- D. Menambahkan permintaan wang

30 Manakah yang merujuk kepada perbelanjaan perkhidmatan ekonomi?

- A. Membina kuarters kediaman kesihatan
- B. Membina pusat pelabuhan kapal
- C. Membina pusat kegiatan guru
- D. Membina ibu pejabat polis

- 31 Syarikat multinasional merujuk kepada
- Firma yang terlibat dengan pelbagai aktiviti pengeluaran
  - Firma yang menggunakan pekerja daripada pelbagai negara
  - Firma yang beroperasi di beberapa buah negara pada masa yang sama
  - Firma yang mengeluarkan pelbagai barang dan perkhidmatan di peringkat antarabangsa
- 32 Antara berikut, yang manakah menunjukkan kesan pelaksanaan kuota terhadap perdagangan antarabangsa?





- 33 Situasi yang manakah dapat memperbaikiimbangan pembayaran Malaysia?
- Atlet negara menyertai Temasya Sukan Sea di Indonesia
  - Pekerja Malaysia di Australia mengirim wang ke Malaysia
  - Firma Malaysia membuat pelaburan dalam bidang hartanah di Malaysia
  - Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia membiayai pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara
- 34 Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dollar Singapura (SGD).

RM 1.00 = SGD 0.40
--------------------

Berapakah nilai dalam Ringgit Malaysia jika seorang pelajar membeli sebuah buku berharga SGD120 melalui sebuah portal atas talian?

- RM200
- RM255
- RM265
- RM300

Soalan 35 hingga 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 2
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Buruh digunakan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan  
II Buruh mendapat ganjaran untung
- 36 I Pemegang akaun simpanan diberi kemudahan cek  
II Cek adalah wang yang digunakan untuk pembayaran dalam urus niaga atas arahan dari pihak bank
- 37 I Hukum permintaan menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan meningkat  
II Hukum permintaan di gambarkan oleh keluk permintaan yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan

- 38 I Permintaan anjal merujuk nilai keanjalan harga permintaan adalah lebih dari 1  
II Keanjalan harga permintaan sama dengan 2.0, ia merupakan barang mewah
- 39 I Kouta merujuk kepada perintah larangan atau pemulauan perdagangan terhadap negara tertentu  
II Contoh kouta ialah kerajaan Malaysia mengenakan had maksimum bagi barang berasaskan hasil tenuusu daripada New Zealand
- 40 I Cukai tidak langsung merupakan cukai yang bebannya boleh dipindah kepada orang lain  
II Duti import merupakan cukai tidak langsung

**KERTAS SOALAN TAMAT**